

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 3

Y.B. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menentukan sama ada wujud keperluan untuk pemerolehan Kerajaan dibuat secara runding terus.

JAWAPAN**Tuan Yang Di Pertua,**

Izinkan saya menjawab soalan lisan daripada Y.B. Kangar bertarikh 8 Oktober 2019, Y.B. Labis bertarikh 17 Oktober 2019, Y.B. Kudat bertarikh 14 November 2019 dan Y.B. Ketereh bertarikh 14 November 2019 secara bersekali memandangkan keempat-empat Yang Berhormat telah mengajukan persoalan yang sama iaitu berkenaan pelaksanaan perolehan secara rundingan terus.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses pengurusan perolehan Kerajaan adalah dilaksanakan berteraskan kepada lima prinsip utama iaitu, pertama; akauntabiliti awam, kedua; diuruskan secara telus, ketiga; memberi nilai faedah yang terbaik, keempat; mewujudkan saingan terbuka dan terakhir; mestilah adil dan saksama. Tatacara perolehan yang digunapakai oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan awam di peringkat antarabangsa yang mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka.

Peraturan perolehan yang berkuat kuasa menetapkan mana-mana perolehan Kerajaan yang nilainya melebihi RM500,000 perlu dilaksanakan secara tender terbuka. Peraturan ini diperkemaskan lagi melalui surat arahan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang memansuhkan kaedah perolehan secara tender terhad dan digantikan dengan kaedah tender terbuka pra-kelayakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, sepertimana amalan di peringkat antarabangsa dan kepentingan nasional, kaedah perolehan secara rundingan terus akan hanya dipertimbangkan bagi perolehan yang melibatkan lima (5) kriteria khusus dan bukannya dibenarkan secara am seperti berikut:

- i. perolehan bekalan/ perkhidmatan melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan dengan segera, ia boleh memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan serta kepentingan Negara;

NO SOALAN : 3

- ii. keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan diperolehi;
- iii. satu punca bekalan/ perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber sahaja;
- iv. keselamatan/ strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan atau kepentingan strategik negara; atau
- v. kontrak dengan syarikat pembuat (*manufacturer*) Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan.

Semua permohonan perolehan secara rundingan terus perlu dikemukakan oleh Kementerian/ Jabatan kepada Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kerajaan masih mengekalkan Dasar Keutamaan kepada Syarikat Bumiputera sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Keutamaan ini diberikan kepada syarikat Bumiputera, pembuat/pengilang Bumiputera, pengimport Bumiputera dan kontraktor Bumiputera, antaranya seperti Agensi Kerajaan hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kerja tahunan dan pemberian keutamaan harga (*margin of preference*) antara 2.5% hingga 10% bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan secara tender terbuka.